

07/04/2000

Umat Islam digesa sentiasa bersyukur

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengajak umat Islam di seluruh negara menanam dan mengamalkan sifat sentiasa bersyukur serta tahu mengenang budi.

Seri Paduka bertitah, sifat bersyukur atas segala kebaikan yang dinikmati, boleh menimbulkan semangat untuk melipatgandakan usaha menambah kebaikan sedia ada dan memperkukuhkan keimanan.

"Dalam ajaran Islam, Allah memberi jaminan sesiapa yang bersyukur, nescaya Allah akan tambah kebaikan yang dinikmatinya. Sebaliknya, jika seseorang itu enggan, maka ia akan mendapat azab daripada Allah.

"Beta yakin umat Islam di negara ini amat memahami hakikat ini dan sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang dimiliki," titah Seri Paduka di sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil, dekat sini.

Majlis itu turut dihadiri Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Pada majlis sambutan bertemakan Bersyukur Tanda Keteguhan Iman itu, bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1421.

Seri Paduka bertitah, bersyukur juga boleh menimbulkan rasa insaf pada diri, mengenal diri sendiri dan menjadikan seseorang itu tahu menghargai jasa dan pengorbanan orang lain.

"Kehidupan kita yang makmur dan aman damai hari ini bukanlah sesuatu yang datang bergolek atau terjelma begitu saja tanpa perjuangan dan pengorbanan banyak pihak," titah baginda.

Baginda memetik hadis yang diriwayatkan oleh At-Tabrani yang bermaksud: "Sesiapa yang diberi suatu kebaikan, hendaklah ia mengingatnya. Sesiapa yang mengingatnya ia dianggap bersyukur. Sesiapa yang tidak mengenang budi yang diberi, ia dianggap sebagai kufur nikmat."

Seri Paduka amat berpuas hati dengan prestasi kehidupan umat Islam dan rakyat negara ini keseluruhannya.

Titah baginda, sejak mula merdeka hinggalah sekarang, urusan mentadbir negara dan memastikan setiap rakyat dapat menikmati kehidupan yang baik adalah menjadi agenda utama.

Pemimpin, pentadbir, pengusaha dan seluruh rakyat kata baginda, memberi komitmen tinggi untuk menjadikan bangsa dan negara maju serta makmur.

"Keamanan dan kemakmuran yang kita kecapai sekarang, bukanlah sesuatu yang kita dapati dengan mudah. Ia diperolehi melalui perjalanan yang jauh dan sukar. Setelah usaha ini berjalan dengan pesat dan tersusun, banyaklah kemajuan yang dicapai di samping kedaulatan dan kebebasan negara dipertahankan," kata baginda sambil mengajak rakyat sentiasa bersyukur.

Seri Paduka bertitah, Islam sendiri menjelaskan bahawa usaha mencari kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat adalah sama penting.

"Ini adalah suruhan kepada seluruh umat Islam yang tidak boleh diabaikan. Bagi kita umat Islam di Malaysia, di sinilah tempat kehidupan dunia kita dan tempat membina kemajuan seperti diperintahkan oleh Allah," titahnya.

(END)